

**TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT****Kempen Pelaburan Berjangka-i (TIA-i) dan ePelaburan Berjangka-i (eTIA-i) Julai 2025****Produk ini tidak dilindungi oleh PIDM****Tempoh Kempen**

1. Kempen Pelaburan Berjangka-i (TIA-i) dan ePelaburan Berjangka-i (eTIA-i) Julai 2025 dianjurkan oleh CIMB Islamic Berhad [No. Pendaftaran: 200401032872] ("Bank" atau "CIMB Islamic") dan akan bermula dari **11 Julai 2025 hingga 14 Ogos 2025** termasuk kedua-dua tarikh tersebut ("Tempoh Kempen").

**Kelayakan**

2. Kempen ini terbuka kepada semua individu yang memenuhi syarat berikut (selepas ini dirujuk sebagai "**Pelanggan yang Layak**"):-
  - (a) individu-individu yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas;
  - (b) Kakitangan Kumpulan CIMB (termasuk kakitangan kontrak dan percubaan).

Walaubagaimanapun, penyertaan dalam Kempen ini untuk eTIA-i hanya tersedia kepada Pelanggan Layak warganegara Malaysia.

**Mekanisme Kempen**

3. Bagi menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak hendaklah membuka Akaun Pelaburan Berjangka-i dan/atau Akaun ePelaburan Berjangka-i selanjutnya secara kolektif dirujuk sebagai ("**TIA-i**" dan/atau "**eTIA-i**") seperti yang dinyatakan di bawah:

Untuk TIA-i

TIA-i merujuk kepada satu pelaburan deposit tunggal dalam amaun minimum sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000.00) bagi tiga (3) bulan atau tujuh (7) bulan dalam Tempoh Kempen yang dilakukan di cawangan-cawangan CIMB Islamic dan CIMB Bank [No. Pendaftaran: 197201001799] ("CIMB Bank") di Malaysia ("**Cawangan**"). Cawangan CIMB terletak bersama-sama dengan cawangan CIMB Bank di seluruh negara.

Untuk eTIA-i menerusi laman sesawang CIMB Clicks/Aplikasi CIMB OCTO

eTIA-i merujuk kepada satu pelaburan deposit tunggal dalam amaun minimum sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000.00) bagi tempoh tiga (3) bulan atau tujuh (7) bulan dalam Tempoh Kempen menerusi laman sesawang CIMB Clicks dari Akaun Semasa/-i atau Akaun Simpanan/-i ("CASA/-i") atau Akaun Pelaburan Harian Tanpa Had-i dan/atau melalui pindahan dana dari selain Akaun CIMB melalui (Pertukaran Proses Kewangan (Financial Process Exchanges ("**FPX**")) dengan:

- a) laman sesawang CIMB Clicks dengan klik pada pautan terus yang terdapat di:
  - i. laman sesawang CIMB Clicks atau halaman promosi di laman sesawang CIMB; atau
  - ii. mel lansung elektronik (electronic direct mailer ("**eDM**")) yang dihantar oleh CIMB Islamic. Pilihan ini hanya terpakai kepada Pelanggan YangLayak terpilih sahaja yang menerima eDM ini dari pihak CIMB Islamic;

- b) Applikasi CIMB OCTO dengan klik pada “Apply” dan pilih “Term Investment Account-i” daripada pilihan yang disediakan;

FPX adalah kaedah pembayaran selamat dalam talian yang memudahkan pindahan dana antara bank, dipermudahkan oleh Payment Network Malaysia Sdn. Bhd. (“PayNet”). Butiran lanjut boleh dibaca oleh Pelanggan yang Layak dalam laman sesawang PayNet.

4. Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di sini, Pelanggan yang Layak yang memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam Klausus 3 di atas adalah berhak kepada Kadar Keuntungan Indikatif Kempen di bawah Kempen ini, Pelanggan yang Layak mesti membuat amaun pelaburan tunggal minimum seperti jadual di bawah semasa Tempoh Kempen.

Kaedah Pelaburan	Kadar Keuntungan Indikatif	Tempoh	Nisbah Perkongsian Keuntungan (PSR)	Amaun Pelaburan Deposit Tunggal Minimum
TIA-i dan/atau eTIA-i	3.50% setahun	Tiga (3) Bulan	50:50*	RM1,000
	3.55% setahun	Tujuh (7) Bulan	50:50*	

\* Bank boleh mengubah PSR semasa tempoh kontrak Mudarabah tanpa persetujuan pemegang akaun, dengan syarat bahawa PSR yang diperuntukkan bagi pemegang akaun pelaburan dinaikkan daripada PSR yang dipersetujui sebanyak 50:50.

5. **Pembaharuan:** “Kadar Keuntungan Indikatif Kempen” hanya terpakai untuk pelaburan TIA-i /eTIA-i bagi satu (1) kitaran sahaja selama tempoh tiga (3) atau tujuh (7) bulan semasa Tempoh kempen. Selepas itu, sebarang pembaharuan hendaklah tertakluk pada kadar keuntungan indikatif CIMB Islamic semasa yang terpakai pada waktu pembaharuan.
6. Kempen ini tidak terpakai bagi pelaburan yang dibuat melalui aplikasi CIMB Clicks.
7. Pelanggan yang Layak TIA-i dan/atau eTIA-i mestilah dirangkaikan dengan CIMB CASA/-i atau Akaun Pelaburan Harian Tanpa Had-i persendirian Pelanggan yang Layak untuk tujuan penempatan TIA-i dan/atau eTIA-i, bayaran keuntungan dan pengeluaran TIA-i dan/atau eTIA-i (“**CASA/-i yang Ditentukan**”). Bagi mengelakkan keraguan, hanya CASA/-i terpilih seperti yang ditetapkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa boleh dipilih sebagai CASA/-i yang Ditentukan.
8. Bagi penempatan melalui pindahan dana FPX:
- amaun deposit maksimum bagi setiap urus niaga adalah berdasarkan kepada had yang diizinkan oleh CIMB Islamic atau had yang diizinkan oleh dan ditetapkan dengan bank-bank yang berkenaan berkaitan dengan pindahan sedemikian, mana-mana yang lebih rendah.
  - jika pelaburan TIA-i dan/atau eTIA-i tidak berjaya, amaun yang ditolak akan dikembalikan ke dalam akaun bank Pelanggan yang Layak masing-masing dalam tempoh tujuh (7) hari perniagaan dari tarikh transaksi. Pelanggan yang Layak perlu merujuk dengan bank masing-masing jika bayaran balik tidak diterima pada masa itu.
  - Apa-apa bayaran keuntungan atau pengeluaran TIA-i dan/atau eTIA-i akan dikreditkan ke dalam CASA/-i yang Ditentukan.

9. Untuk Pelanggan yang Layak yang mempunyai Akaun Semasa/-i atau Akaun Simpanan/-i (CASA/-i) sedia ada yang dikekalkan dengan Bank atau CIMB Bank Berhad, Bank boleh menerima Akaun Semasa/-i atau Akaun Simpanan/-i (CASA/-i) atau Akaun Pelaburan Harian Tanpa Had-i sedia ada ini sebagai akaun gabungan (dirujuk di sini sebagai "**Akaun Gabungan**") bagi tujuan perkreditan keuntungan yang diperoleh. Pelanggan yang Layak yang tidak mempunyai Akaun Semasa/-i atau Akaun Simpanan/-i (CASA/-i) sedia ada yang dikekalkan dengan Bank atau CIMB Bank Berhad dinasihat supaya membuka satu Akaun Semasa/-i atau Akaun Simpanan/-i (CASA/-i) atau Akaun Pelaburan Harian Tanpa Had-i bagi tujuan perkreditan keuntungan yang diperoleh.
10. (a) Walau apa pun dinyatakan dalam Klausa 16 (a), CIMB Islamic mengekalkan haknya, dari semasa ke semasa, untuk mengubah Tempoh Kempen, Kadar Kadar Keuntungan Indikatif Kempen dan/atau kriteria/keperluannya ("**Pengubahan Tempoh Kempen, Kadar atau Kriteria**"), dengan memberi notis kepada Pelanggan yang Layak menerusi:
  - (i) pengumuman di laman sesawang CIMB; dan/atau
  - (ii) notis di cawangan-cawangan CIMB Islamic ; dan/atau
  - (iii) sebarang bentuk notifikasi yang boleh dipilih oleh CIMB Islamic.  
(b) Pengubahan Tempoh Kempen, Kadar atau Kriteria hendaklah dianggap sebagai terikat ke atas Pelanggan yang Layak pada tarikh yang dinyatakan oleh CIMB Islamic dalam notifikasi berkenaan.  
  
(c) Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang CIMB dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma-terma dan Syarat-syarat Kempen ini dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti apa-apa Perubahan Kadar atau Kriteria.

Apa-apa Pengubahan Kadar Kempen berdasarkan Klausa 10(a) di atas adalah tidak terpakai kepada mana-mana pelaburan yang telah dibuat sebelum tarikh berkuatkuasanya Pengubahan Kadar tersebut.

11. Sekiranya terdapat perubahan pada Kadar Dasar Semalam (OPR), CIMB Islamic mengekalkan haknya untuk:
  - (a) Melanjutkan, memendekkan atau menghentikan Kempen ini dengan serta merta menerusi notis oleh CIMB Islamic; atau
  - (b) Menyemak semula Kadar Keuntungan Indikatif Kempen dengan serta merta menerusi notis oleh CIMB Islamic.

Notis berikut hendaklah diberikan mengikut Klausa 10(a).

Apa-apa perubahan pada Kadar Kadar Keuntungan Indikatif Kempen berdasarkan Klausa 10(b) di atas adalah tidak terpakai kepada mana-mana pelaburan yang telah dibuat sebelum tarikh berkuatkuasanya perubahan tersebut.

### Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am

12. Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen ini, mereka:
  - (a) dikehendaki membaca dan memahami Terma dan Syarat ini;
  - (b) telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dan Terma-Terma dan Syarat-Syarat dan Lembaran Penerangan Produk TIA-i;

- (c) mengesahkan bahawa terma kontrak utama yang mempengaruhi kewajipan mereka telah dijelaskan dengan secukupnya kepada mereka;
  - (d) memberi kebenaran kepada CIMB Islamic untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka serta apa-apa data peribadi mana-mana individu yang mana Pelanggan yang Layak boleh berkongsi dengan CIMB Islamic mengikut menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB di [www.cimb.com.my](http://www.cimb.com.my);
  - (e) bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat dengan wajar dan berpatutan oleh CIMB Islamic berkaitan dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Kadar Kadar Keuntungan Indikatif Kempen yang diberikan dan penentuan Pelanggan yang Layak, adalah muktamad, mengikat dan konklusif; dan
  - (f) bersetuju bahawa CIMB Islamic tidak bertanggungjawab atau tidak boleh dipertanggungjawabkan kepada Pelanggan yang Layak sekiranya CIMB Islamic tidak dapat melaksanakan obligasinya di bawah Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung akibat:
    - (i) kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data atau talian penghantaran;
    - (ii) kegagalan elektrikal;
    - (iii) pertikaian industri, peperangan, mogok atau rusuhan;
    - (iv) sebarang bencana alam ('act of God') di luar kawalan CIMB Islamic atau
    - (v) apa-apa faktor yang bersifat '*force majeure*' (keadaan di luar jangkaan) yang berada di luar kawalan munasabah CIMB Islamic.
13. Pelanggan yang Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen ini dan/atau keuntungan yang berdasarkan Kadar Kadar Keuntungan Indikatif Kempen sekiranya, sewaktu Tempoh Kempen dan/atau sebelum keuntungan yang diperoleh berdasarkan Kadar Kadar Keuntungan Indikatif Kempen dikreditkan:
- (a) Pelanggan yang Layak memungkiri terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal TIA-i dan/atau eTIA-i;
  - (b) TIA-i dan/atau eTIA-i ditamatkan atau ditutup atau dibuat tertakluk kepada sebarang penahanan, perintah bertentangan yang dibuat oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang sah di sisi undang-undang; atau
  - (c) TIA-i dan/atau eTIA-i tertunggak, tidak sah atau dibatalkan oleh Pelanggan yang Layak atau CIMB Islamic.
14. CIMB Islamic berhak untuk melucutkan mana-mana Pelanggan yang Layak yang didapati:
- (a) mengganggu proses kemasukan/penyertaan/permohonan; dan/atau
  - (b) bertindak memungkiri Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
- Untuk mengelakkan keraguan, CIMB Islamic tidak boleh dipertanggungjawabkan kepada Pelanggan yang Layak terhadap sebarang kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada mana-mana Kadar Kadar Keuntungan Indikatif Kempen dan/atau pembatalan, penangguhan, pemendekan atau pelanjutan Kempen tersebut.
15. CIMB Islamic tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Pelanggan yang Layak atau mana-mana pihak terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan

pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas) yang berbangkit daripada:

- (a) penyertaan atau ketidak penyertaan Pelanggan yang Layak dalam Kempen; dan/atau
- (b) sebarang kegagalan penerimaan atau kelewatan penerimaan eDM oleh Pelanggan yang Layak, melainkan jika kerugian atau kerosakan tersebut adalah berbangkit daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaian melampau atau keingkaran sengaja oleh CIMB Islamic.

16. (a) CIMB Islamic berhak mengubah, menambah, memadam, atau meminda mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini ("Pindaan") dengan memberi notis awalan dua puluh satu (21) hari kalender kepada Pelanggan yang Layak menerus cara pemberian notis yang ternyata di Klausula 10 (a).  
(b) Pindaan hendaklah dianggap sebagai mengikat Pelanggan yang Layak dari tarikh yang dinyatakan oleh CIMB Islamic dalam notifikasi tersebut.  
(c) Jika perubahan tersebut dikehendaki oleh undang-undang atau mana-mana peraturan, peraturan, arahan, notis dan garis panduan ("Peraturan") maka ia akan berkuat kuasa mengikut undang-undang atau Peraturan dan CIMB Islamic akan memberi notis kepada Pelanggan yang Layak mengenai perubahan ini secepat mungkin.  
(d) Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang CIMB dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kempen ini dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti apa-apa Pindaan kepada terma-terma dan syarat-syarat ini.
17. CIMB Islamic tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan yang Layak terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada Pindaan tersebut.
18. Pelanggan yang Layak hendaklah menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan CIMB Islamic ditanggung rugi terhadap mana-mana yuran, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh CIMB Islamic yang disebabkan oleh:  
(a) penyertaan Pelanggan yang Layak dalam Kempen tersebut; dan/atau  
(b) kelayakan, penerimaan, penebusan atau penggunaan Pelanggan yang Layak ke atas Kadar Keuntungan Indikatif Kempen TIA-i dan/atau eTIA-i dan/atau kepada keuntungan berdasarkan Kadar Keuntungan Indikatif Kempen tersebut; dan/atau  
(c) Pelanggan yang Layak melanggar atau gagal mematuhi Terma dan Syarat ini.
19. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini:  
(a) adalah mengatasi sebarang peruntuhan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen ini; dan  
(b) hendaklah dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat sedia ada berhubung akaun TIA-i dan/atau eTIA-i dan/atau CASA/-i atau Akaun Pelaburan Harian Tanpa Had-i yang terpakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
20. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini adalah tertakluk dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan peraturan, peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan-badan kawal selia lain yang berkaitan di mana CIMB Islamic adalah tertakluk.
21. Jika CIMB Islamic tidak melaksanakan hak yang dimilikinya dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, ini tidak menghalang CIMB Islamic daripada melaksanakan hak itu atau mana-mana hak lain yang dimiliki CIMB Islamic pada masa akan datang.

22. (a) Pelanggan yang Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB Islamic (“CRU”) untuk sebarang maklum balas dan/atau aduan berkenaan Kempen ini menerusi surat, panggilan telefon, atau e-mel:

Alamat: CIMB Unit Resolusi Pelanggan (CRU),  
P.O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur,  
50710 Wilayah Persekutuan  
No. Telefon: 603 6204 7788  
E-mel: [contactus@cimb.com](mailto:contactus@cimb.com)

- (b) CIMB Islamic boleh menukar butiran hubungan di atas dengan memaklumkan kepada Pelanggan yang Layak menerusi pengumuman di laman sesawang CIMB atau dengan mana-mana cara notifikasi lain yang boleh dipilih oleh CIMB Islamic.

#### **AMARAN**

**PULANGAN KE ATAS AKAUN PELABURANINI AKAN DIPENGARUHI OLEH PRESTASI ASET PENDASAR. PRINSIPAL DAN PULANGAN TIDAK DIJAMIN DAN PEMEGANG AKAUN BERISIKO TIDAK MEMPEROLEHI PULANGAN SAMA SEKALI. AKAUN PELABURANINI TIDAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (“PIDM”)**